

## **Lelaki curi wang derma tokong dihukum penjara tiga bulan**

**SIBU:** Mahkamah Majistret di sini, semalam menjatuhkan hukuman penjara tiga bulan terhadap seorang lelaki kerana mencuri wang derma dari sebuah tokong di Jalan Temple di sini.

Majistret Romario Jonoj menjatuhkan hukuman tersebut ke atas Tang Kah Pui, 49, dari Balleh, Kapit selepas dia mengaku bersalah atas pertuduhan di bawah Seksyen 380 Kanun Keseksaan.

Dia melakukan kesalahan itu kira-kira jam 5.52 pagi pada 9 Mac lalu.

Menurut fakta kes, pengadu dimaklumkan oleh seorang pekerja pembersihan bahawa sebuah tabung derma yang diletakkan di kaunter dalam tokong tersebut telah hilang.

Pemeriksaan di kawasan premis kemudian menemui tabung derma itu di sudut belakang tokong dalam keadaan rosak manakala wang tunai di dalamnya dipercayai telah dicuri.

Rakaman kamera litar tertutup (CCTV) menunjukkan tertuduh mengangkat tabung tersebut dan mengambil wang di dalamnya.

Tang ditahan kemudian pada hari yang sama.

Siasatan mendapati wang yang dicuri itu terdiri daripada sumbangan derma yang diberikan oleh penganut dan pengujung tokong.

Tertuduh dikenalpasti menerusi rakaman CCTV kerana dia sering dilihat berkeliaran di sekitar tokong sebelum kejadian berlaku.

Sehelai baju yang dirampas semasa penahanannya juga disahkan sebagai baju yang dipakainya ketika melakukan kecurian tersebut.

Tang kemudian membawa pihak polis ke lokasi tempat dia mengambil wang derma berkenaan.

Pendakwaan dikendalikan oleh ASP Sokolinkam Changgan manakala tertuduh tidak diwakili peguam.